

# UPM beri sinar lindungi Kacip Fatimah

**KUALA LUMPUR 6 Dis.-** Biodiversiti Kacip Fatimah, warisan negara, menghadapi risiko tinggi untuk pupus disebabkan keterlembihan pungutan berleluasa dari hutan.

Sebagai contoh di kawasan Hulu Langat sahaja, bekalan sebanyak lima kali ganda dicatat meningkat daripada 30,000 pada 2010 kepada 150,000 anak pokok dalam 2013.

Kegigihan sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalankan penyelidikan menggunakan dana yang dibiayai oleh universiti penyelidikan pada 2007, bagaimanapun berjaya membangunkan inovasi teknik pembiakan Kacip Fatimah terawat menggunakan keratan daun.

Melalui teknik pembiakan ini, varieti tulen Kacip Fatimah dapat dihasilkan dengan banyak. Kadar pengakaran dan pertumbuhan pucuk tumbuhan herba itu dapat dipercepatkan dengan hasil kejayaan pertumbuhan anak pokok yang tinggi melalui penggunaan bahan penggalak akar dan media pembiakan yang sesuai.

Penyelidik Utama yang juga Pengarah, Pusat Transformasi Komuniti Universiti, UPM, Prof. Dr. Hawa ZE Jaafar berkata, perkara pertama yang dilakukan untuk memastikan pertumbuhan Kacip Fatimah ialah membina rumah pembiakan beriklim mikro yang sesuai untuk pertumbuhan anak pokok.

Katanya, komuniti dilatih mengenal pasti varieti spesies itu dengan betul untuk mendapatkan pokok induk sebagai bahan pembiakan.

Menurut beliau, dengan penggunaan inovasi teknik keratan daun, bahan penggalak akar dan media pembiakan sesuai, keratan daun berjaya mengeluarkan akar dua hingga tiga minggu dan pucuk antara enam hingga tujuh minggu berbanding 12 minggu untuk berakar dan 24 minggu mengeluarkan pucuk.

“Perkara yang menarik mengenai teknik pembiakan ini ialah ia dapat memastikan pembiakan varieti yang disah tulen dan bermutu tinggi, tidak berpenyakit atau dicemari kekotoran, logam berat atau mikrob di samping bekalan



**PROF. DR. HAWA ZE JAAFAR**

boleh diatur.

Katanya, dua tahun lalu, inovasi teknik pembiakan terawat Kacip Fatimah ini dipindahkan kepada komuniti pembekal bahan mentah herba yang berpusat di ladang syarikat Broadleaves Sdn. Bhd. di Hulu Langat.

“Dengan kejayaan pemindahan ilmu ini telah membawa sinar harapan untuk melindungi warisan negara dalam melestarikan biodiversiti Kacip Fatimah di hutan dan menghalangnya daripada kepupusan. Apa tidaknya, dengan pemindahan ilmu ini, dalam kawasan yang kecil seluas 78 meter persegi, pengusaha sudah boleh menghasilkan anak pokok sebanyak 15,000 setahun melalui keratan daun terawat dan penggunaan media pembiakan yang sesuai dan dibangunkan dalam rumah pembiakan beriklim kondusif.

Selain kelestarian biodiversiti Kacip Fatimah, kejayaan pembiakan juga dapat menjanjikan pendapatan kasar sebanyak RM1.35 hingga 2.25 juta setahun ekoran daripada permintaan yang meningkat ekoran dari pengiktirafan masyarakat terhadap pengusaha yang bukan sahaja mengamalkan teknologi hijau, melindungi alam sekitar dan melindungi khazanah negara tetapi juga dapat membekalkan bahan tulen berkualiti tinggi secara konsisten dan dalam jumlah yang diperlukan.